

aab

Mahathir - UMNO

UMNO PERLU KUKUH UNTUK TERUS TUNJANGI KERAJAAN

JOHOR BAHRU, 11 Okt (Bernama) -- UMNO ialah parti yang terkuat di kalangan negara-negara sedang membangun dan anggotanya harus mengekalkan kedudukan ini bagi kerajaan mentadbir dengan berkesan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Selaku Presiden UMNO, Dr Mahathir mengingatkan semua anggota UMNO supaya terus mempertahankan kedudukan itu sejajar dengan status UMNO yang menjadi tunggak kerajaan campuran Barisan Nasional yang memerintah.

"Kerajaan yang tidak berkesan tidak berguna dan jika parti tidak kukuh maka mustahil negara boleh terus aman," katanya semasa berucap pada lebih 1,000 pemimpin pelbagai peringkat UMNO Johor di sini.

Dr Mahathir berkata kemenangan besar BN dalam pilihan raya umum setakat ini membuktikan fungsi UMNO sebagai tunggak BN sangat berkesan dan oleh itu ia perlu dikekalkan.

"Kerajaan campuran pula dibentuk sebelum pilihan raya lagi dan kemenangan lebih dua pertiga majoriti menjadikan kedudukan kerajaan kukuh, kuat dan berkesan."

"Jadi berapa banyak katak hendak melompat pun tidak mengapa, malahan kalau sebuah parti pun (mahu keluar), kerajaan masih stabil," kata beliau.

-- lagi

om mko rs

▼11/10/19-41MST

R PB 11-10 00163 BH250

aab

Mahathir - UMNO 2 Johor Baharu

Dr Mahathir mengulangi nasihat kepada setiap anggota UMNO supaya sentiasa mengutamakan perpaduan parti lebih-lebih lagi menjelang perhimpunan agung UMNO bulan depan agar peristiwa malang 1987 tidak berulang.

Katanya, pada pemilihan tahun 1987, anggota UMNO lupa daratan kerana memikirkan seseorang calon lebih penting dengan membelakangkan parti.

"Sementara kita mengutamakan pemimpin tertentu pada pemilihan kali ini, ia janganlah sampai kita sanggup melihat perpecahan dalam parti," kata beliau sambil menambah kempen menjelang perhimpunan itu perlu dilakukan secara sopan demi maruah parti.

Sambil mengulangi pendirian beliau yang berkecuali dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO kali ini, Dr Mahathir berkata beliau akan memastikan perpaduan UMNO disatukan semula selepas pemilihan kerana tugasnya dalam mendokong kerajaan.

"Saya tidak akan memihak kerana saya ada tugas penting untuk merapatkan semula perpaduan dalam UMNO kerana selepas pemilihan biasanya akan wujud perasaan marah dan sebagainya. Tugas itu lebih mudah jika saya tidak memihak," katanya. -- lagi

▼11/10/20-28MST

R PB 11-10 00150 BH251

aab

Mahathir - UMNO 3 (akhir) Johor Baharu

Dr Mahathir juga menyentuh panjang lebar berhubung 10 undi akar umbi yang diberi kepada setiap bahagian UMNO.

(Seseorang calon bagi jawatan presiden dan timbalan presiden akan menerima 10 undi itu daripada setiap bahagian yang mencalonkannya).

Dr Mahathir berkata, ia adil kerana anggota-anggota biasa UMNO juga mempunyai suara memilih iaitu menerusi 10 undi akar umbi itu.

Bagaimanapun, katanya, perhimpunan agung kelak akan menentukan siapa sebenarnya yang dikehendaki oleh seluruh anggota parti, sama ada seseorang calon itu memperolehi pencalonan terbanyak atau sebaliknya.

Sementara itu Perdana Menteri dan isteri akan menyaksikan persembahan kebudayaan di Stadium Tan Sri Haji Hassan Yunus di sini malam ini, bersempena majlis pelancaran penghayatan Wawasan 2020 peringkat negeri Johor.

Pagi tadi, Dr Mahathir merasmikan majlis itu di Stadium Tertutup MPJB di sini. -- Bernama

OM KO RS

♥11/10/20-29MST